

Tarikh Dibaca: 8 MAC 2024M | 27 SYA'BAN 1445H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“AHLAN YA RAMADHAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“AHLAN YA RAMADHAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى
لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ
فَلْيُصِمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ
بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ
عَلَىٰ مَا هَدَيْكُم وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan

¹ Al-Baqarah : 185

² Ali-Imran: 102



meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **"AHLAN YA RAMADHAN"**.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Hari ini adalah hari jumaat terakhir bulan Sya'ban. Merujuk kepada sebuah hadis, Salman Al-Farisi Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menyampaikan khutbahnya pada hari terakhir Sya'ban yang bermaksud:

"Wahai manusia sesungguhnya telah datang kepada kamu bulan yang agong, bulan yang diberkati, bulan didalamnya ada satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, Allah jadikan berpuasa padanya sebagai kefardhuan, membangunkan malamnya sebagai sunat, sesiapa yang padanya mendekatkan diri pada-Nya dengan satu kebaikan adalah ia seperti menunaikan kefardhuan pada bulan yang lain. Ia adalah bulan kesabaran, sedangkan kesabaran itu balasannya syurga, dan bulan menderma harta, dan bulan yang ditambah rezeki orang mukmin. Sesiapa yang memberi berbuka orang yang berpuasa, ia adalah keampunan kepada dosanya, ia akan bebas dari api neraka, dan dia mendapat pahala seumpamanya tanpa mengurangkan pahala si pelakunya sedikitpun"

(Riwayat al-Baihaqi).

Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,

Banyak hadis yang membicarakan keistimewaan bulan Ramadhan. Menjelaskan Ramadhan bulan dipenjarakan syaitan, dibuka pintu-pintu langit, dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka. Bulan



Ramadhan juga dibuka pintu-pintu rahmah dan pembebasan daripada neraka, bulan keampunan kepada orang yang berpuasa, kepada orang yang membangunkan malamnya, kepada orang yang bangun mencari lailatulqadr. Ramadhan juga bulan kesabaran, bulan pemurah dan berkorban, bulan al-Quran, bulan mendidik kehendak nafsu, bulan mendidik akhlak mulia, bulan risalah Islam, mengerjakan umrah padanya menyamai haji bersama Rasulullah SAW, bulan diperkenankan doa, bulan lailatulqadr, dan bulan zakat fitrah. Semuanya ini adalah rahmat kurniaan Allah SWT buat hamba-Nya yang benar-benar patuh dan beriman kepada Allah SWT.

Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah bergembira menyambut Ramadhan. Sebagaimana Rasulullah SAW menyambutnya. Bagaimana Rasulullah menyambutnya? Rasulullah meraikannya dengan melihat anak bulan Ramadhan pada akhir bulan Sya'ban. Abu Hurairah Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

"Berpuasalah kamu kerana melihat anak bulan (Ramadhan) dan berbukalah (hari raya) dengan melihat anak bulan (Syawal). Jika samar ke atas kamu, maka sempurnakanlah bilangan Bulan Sya'ban tiga puluh hari"

(Riwayat Muslim).

Rasulullah SAW juga tidak berpuasa sebelum Ramadhan. Rasulullah SAW mengingatkan kita dengan sabdanya sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bermaksud:

"Janganlah kamu mendahului Ramadhan dengan berpuasa satu hari, tidak juga dua hari melainkan orang yang membiasakan puasa, maka hendaklah ia berpuasa".

(Muttafaquun 'alaih).



Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,

Pada tahun ini marilah kita berpuasa sebagaimana Rasulullah SAW berpuasa. Rasulullah SAW memulakan puasa dengan berniat berpuasa. Hafsa binti Umar Radhiallahuanhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

"Sesiapa yang tidak berniat pada waktu malam berpuasa, maka tidak ada puasa baginya"

(Riwayat al-Nasa'i).

Kebanyakan ulamak menggalakkan kita agar berniat puasa untuk sebulan Ramadhan disamping berniat pada setiap malamnya.

Rasulullah SAW menyegerakan berbuka dan melewati sahur. Antaranya makanan Rasulullah SAW ketika berbuka puasa adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Salman bin 'Amir Radhiallahuanhu bahawa Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Apabila salah seorang diantara kamu berbuka puasa, maka berbukalah dengan buah tamar, kerana sesungguhnya ia mempunyai keberkatan. Sekiranya kamu tidak mendapatinya maka berbukalah dengan air, kerana sesungguhnya air itu suci "

(Riwayat al-Tirmizi).

Rasulullah tidak meninggalkan menggauli isteri- isteri baginda. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 187 bermaksud:

"Sesungguhnya dihalalkan kepada kamu pada malam berpuasa menggauli isteri-isteri kamu"



Rasulullah SAW menggandakan amalannya pada 10 malam terakhir dan sebuah hadis bermaksud : Adalah Rasulullah SAW apabila masuk ke dalam sepuluh hari terakhir Ramadhan membangunkan malam dengan ibadah, membangunkan keluarganya dan mengetatkan kainnya (tidak bersetubuh).

Hadirin jumaat yang dirahmati Allah

Diantara akhlak orang berpuasa yang Rasulullah SAW galakkan adalah sebagaimana dinyatakan melalui sabdanya bermaksud:

"Puasa bukanlah hanya menahan makan dan minum sahaja, akan tetapi puasa adalah dengan menahan diri dari perkataan sia-sia dan keji. Apabila ada seseorang yang mencela mu atau mengatakan engkau jahil, katakanlah kepadanya aku sedang berpuasa, aku sedang berpuasa."

(Riwayat Muslim).

Baginda juga banyak membaca al-Quran dalam bulan Ramadhan dan baginda mengkhatamkan al-Quran sebanyak dua kali di hadapan Jibril Alaihissalam. Baginda SAW juga sangat pemurah menghulurkan derma dan sedekahnya ketika dalam bulan Ramadhan. Dalam satu Hadis daripada Abdullah bin Abbas Radhiallahuanhuma meriwayatkan bahawa,

"Adalah Rasulullah SAW sangat pemurah pada bulan Ramadhan ketika Jibril menemuinya dan adalah Baginda SAW sangat pemurah daripada angin lalu"

(Muttafaqun 'alaih).

Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,

Untuk mendapatkan puasa yang berkualiti, maka kita hendaklah melakukan beberapa perkara penting. Iaitu bermula pada malam pertama Ramadhan tunaikanlah solat terawikh berjamaah, bersahur, solat subuh,

menahan diri daripada makan dan minum serta segala perkara yang membatalkan puasa serta menjauhkan diri daripada perbuatan makruh dan haram. Selain itu juga, istiqamahlah untuk menunaikan solat sunat tarawih pada sertiap malam, terutama sepuluh terakhir Ramadhan dengan memperbanyakkan iktikaf untuk mencari Lailatul Qadr, banyakkan berdoa di waktu berbuka, banyakkan bertaubat, lakukan amal kebajikan serta menjauhi segala perkara yang dibenci oleh Allah SWT.

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat islam hendaklah melahirkan kegembiraan menjelang ketibaan Bulan Ramadhan al-Mubarak yang merupakan bulan tarbiah dan bulan yang penuh kebaikan serta ganjaran yang berlipat ganda.

2. Umat Islam hendaklah mencontohi Rasulullah SAW Ketika menyambut Ramadan dan melaksanakan puasa dengan berpada ketika berbuka dan bersahur bahkan berlebih dalam beribadah.

3. Ramadhan sebagai medan yang mendidik hawa nafsu. Maka janganlah jadikan satu bulan yang penuh dengan kehendak makan dan minum sahaja mengikut hawa nafsu akibat lapar dan dahaga.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن

قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾



“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. ”

(Surah al-Baqarah : 183).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ
الْكَفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشِمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah,



mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana, malapetaka dan banjir. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.